

16/02/2003

Perdana Menteri pandu uji KL Monorel

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil kesempatan memandu KL Monorel dari stesen Jalan Tun Razak ke Bukit Bintang ketika meninjau operasi tren itu di pangkalannya di Brickfields, Kuala Lumpur, semalam.

Beliau diiringi Pengerusi MTrans Holdings Sdn Bhd, David Chew (kiri) diberi penerangan mengenai pengendalian monorel oleh kapten tren, K Murugan (dua dari kanan). Dr Mahathir turut diberi taklimat mengenai perkembangan terkini projek monorel itu oleh Chew.

KL Monorel berharga RM1.18 bilion akan menjadi pengangkutan awam terpenting di bandar raya ini apabila beroperasi tidak lama lagi kerana ia mampu mengurangkan kesesakan lalu lintas di ibu negara.